

08 NOV 2001

Mahathir-Mesyuarat

DR MAHATHIR Pengerusikan Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri

PUTRAJAYA, 8 Nov (Bernama) -- Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri Ke-84 hari ini telah membincangkan usaha untuk meningkatkan koordinasi antara kerajaan pusat dan kerajaan-kerajaan negeri yang antara lain mencakupi bidang pelaksanaan projek dan rancangan pembangunan kerajaan.

Mereka juga membincangkan soal mengadakan prosedur kerja untuk memudahkan orang ramai berurusan dengan kerajaan.

Menurut satu kenyataan Pejabat Perdana Menteri, mesyuarat selama tiga jam bermula pukul 3.30 petang di sini, dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Turut dibincangkan ialah pelbagai usaha untuk menggalakkan rakyat berbelanja di dalam negara bagi mengurangkan tekanan kelembapan ekonomi dunia dan meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara.

Mesyuarat itu turut menyentuh tentang usaha-usaha ke arah mengatasi masalah banjir di Kuala Lumpur dan mengawal pembangunan di kawasan berbukit supaya tidak menjejaskan alam semulajadi.

Mesyuarat hari ini dihadiri oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan semua Menteri Besar kecuali Kelantan dan Terengganu, serta Ketua-ketua Menteri. Turut hadir ialah beberapa Menteri kabinet.

Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim ketika ditemui pemberita berkata Dr Mahathir telah meminta Kerajaan Negeri menguatkuasakan peraturan bertujuan mengawal pembangunan di lereng bukit.

Mesyuarat itu juga menyentuh mengenai pembangunan di peringkat negeri termasuk usaha mempercepatkan bayaran untuk setiap projek yang dilaksanakan, katanya.

Perkara lain yang dibincangkan termasuklah arahan Kerajaan Pusat supaya Kerajaan Negeri menghabiskan wang yang disalurkan seperti untuk penyelidikan dan projek-projek kecil luar bandar.

-- BERNAMA

SLR SR MUN MAM PR